

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2002

**PELANTIKAN DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN
PENGERUSI LEMBAGA DAN KETUA EKSEKUTIF
PIHAK BERKUASA BERKANUN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kaedah pelantikan dan penamatan perkhidmatan Pengerusi Lembaga dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun.

DEFINISI

2. Untuk tujuan Pekeliling ini:

Ketua Eksekutif ialah pegawai yang dilantik dan diberi kuasa mengetuai pengurusan dan pentadbiran sesebuah Pihak Berkuasa Berkanun;

Lembaga termasuklah Lembaga Pengarah, Lembaga Pengurus atau mana-mana entiti yang mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai dasar dan fungsi Pihak Berkuasa Berkanun berkenaan berdasarkan kawalan dan nasihat Menteri / Menteri Besar / Ketua Menteri;

pegawai awam bermaksud pegawai awam Persekutuan, pegawai awam negeri, pegawai Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan;

Pengerusi bermaksud seseorang yang dilantik untuk mengetuai sesebuah Lembaga; dan

Pihak Berkuasa Berkanun ialah badan berkanun yang menggunakan sistem saaraan dan syarat perkhidmatan yang sama seperti sistem saaraan dan syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa untuk pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

3. Kerajaan telah memutuskan bahawa:
 - (i) Pengerusi dan Ketua Eksekutif sesebuah Pihak Berkuasa Berkanun hendaklah terdiri daripada dua orang yang berlainan dan dilantik secara berasingan;
 - (ii) Pengerusi hendaklah dilantik dan berkhidmat secara separuh masa;

- (iii) tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditumpukan kepada perkara dasar untuk membuat keputusan di peringkat tertinggi, manakala Ketua Eksekutif pula bertanggungjawab mengendalikan urusan harian dan bertindak sebagai pelaksana dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga di samping menganggotai Lembaga sebagai ahli tetap; dan
- (iv) jawatan Ketua Eksekutif merupakan *jawatan terbuka*. Ini bertujuan untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada Pihak Berkuasa Melantik memilih, melantik dan menamatkan perkhidmatan penyandang jawatan tersebut.

KAEDAH PELANTIKAN

Pengerusi

4. Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri / Menteri Besar / Ketua Menteri mengikut peruntukan dalam akta atau enakmen tubuh Pihak Berkuasa Berkanun berkenaan.
5. Dalam keadaan tertentu dan istimewa yang memerlukan pelantikan seorang Pengerusi yang memainkan peranan dan tanggungjawab sebagai Ketua Eksekutif, pelantikan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan Kerajaan.

Ketua Eksekutif

6. Ketua Eksekutif hendaklah dilantik mengikut salah satu daripada tiga kaedah berikut:

- (i) dilantik secara *pinjaman* jika pegawai yang dipilih terdiri daripada pegawai dari agensi awam yang lain. Prosedur pelantikan mereka boleh diuruskan mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2000 (PP 13/2000); atau
- (ii) dilantik secara *pertukaran sementara* jika pegawai yang dipilih terdiri daripada pegawai Pihak Berkuasa Berkanun itu sendiri. Pelantikan mereka boleh diuruskan berpandukan kepada PP 13/2000; atau
- (iii) dilantik secara *kontrak* jika calon yang dipilih bukan pegawai awam.

7. Pengisian jawatan Ketua Eksekutif tidak boleh dibuat melalui proses kenaikan pangkat atau pelantikan secara tetap.

KAEDAH PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pengerusi

8. Penamatan perkhidmatan seseorang Pengerusi hendaklah diuruskan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Ketua Eksekutif

9. Perkhidmatan Ketua Eksekutif akan berakhir apabila tempoh perkhidmatan tamat seperti yang ditetapkan dalam syarat pelantikan. Sekiranya perkhidmatan seseorang Ketua Eksekutif tidak diperlukan lagi sebelum tamat tempoh yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melantik boleh menamatkannya mengikut syarat yang

dinyatakan dalam surat pelantikan mereka. Cara penamatan bergantung kepada bentuk perkhidmatan mereka seperti berikut:

- (i) jika pegawai telah dilantik secara *pinjaman* atau *pertukaran sementara*, mereka hendaklah diarahkan kembali ke perkhidmatan asal masing-masing mengikut peruntukan PP 13/2000;
- (ii) sekiranya pegawai yang berkhidmat secara pinjaman atau pertukaran sementara itu telah ditukar tetap, nasihatkan mereka supaya bersara. Jika pegawai enggan bersara, mereka hendaklah ditempatkan di jawatan kosong yang lain yang sama grednya dengan gred hakiki mereka. Sekiranya jawatan yang dimaksudkan itu tidak ada, maka permohonan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam supaya:
 - (a) diwujudkan satu jawatan yang setaraf dengan gred hakiki pegawai secara Khas Untuk Penyandang (KUP); atau
 - (b) menggunakan mana-mana jawatan lain yang kosong yang disesuaikan tarafnya dengan gred hakiki pegawai secara KUP; dan
- (iii) bagi pegawai yang dilantik secara *kontrak*, perkhidmatan mereka boleh ditamatkan mengikut syarat dalam perjanjian kontrak.

PERTUKARAN TETAP KETUA EKSEKUTIF

10. Pegawai yang menyandang jawatan Ketua Eksekutif secara *pinjaman* dan *pertukaran sementara* boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik

untuk dilantik secara pertukaran tetap. Walau bagaimanapun urusan pertukaran tetap hendaklah dibuat dengan teliti setelah mengambilkira kepentingan organisasi. Tanpa mengambilkira tempoh pinjaman / pertukaran sementara yang ditetapkan dalam PP 13/2000, pertukaran tetap boleh dipertimbangkan dengan syarat:

- (i) pegawai telah menyandang jawatan Ketua Eksekutif secara pinjaman / pertukaran sementara selama tidak kurang dari enam bulan; dan
- (ii) prestasi pegawai adalah memuaskan.

11. Pihak Berkuasa Melantik boleh menguatkuasakan pertukaran tetap pegawai pada tarikh semasa tetapi tidak lebih awal dari tarikh tempoh pinjaman / pertukaran sementara mereka genap enam bulan.

12. Pegawai berikut tidak layak ditukar tetap ke jawatan Ketua Eksekutif:

- (i) pegawai yang prestasi kerjanya tidak memuaskan;
- (ii) pegawai yang menyandang jawatan tersebut kurang dari enam bulan dari tarikh pinjaman / pertukaran sementara mereka dikuatkuasakan; dan
- (iii) pegawai yang bersara atau dibersarakan mengikut peruntukan seksyen 10 (5) (d), (e) dan (f) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

13. Dengan berkuatkuasanya pelantikan pegawai secara pertukaran tetap, maka mereka layak menikmati faedah persaraan berdasarkan kepada gred jawatan Ketua Eksekutif, iaitu sekiranya pegawai telah memilih skim pencen dan bersara atau dibersarakan semasa berada di gred jawatan tersebut. Tindakan ini juga membolehkan jawatan asal pegawai diisi secara hakiki oleh pegawai lain dan jawatan Ketua Eksekutif yang bertaraf jawatan terbuka itu akan bertukar kepada jawatan tertutup secara KUP selagi ianya disandang oleh pegawai berkenaan secara pertukaran tetap.

PEWUJUDAN JAWATAN TAMBAHSENTARA

14. Untuk menjaga hak pencen pegawai yang menyandang jawatan Ketua Eksekutif secara pinjaman atau pertukaran sementara, agensi asal pegawai (agensi pembekal) hendaklah memohon pewujudan jawatan tambahsentara kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatan tambahsentara itu hendaklah sama grednya dengan gred hakiki pegawai. Walau bagaimanapun jawatan tambahsentara tidak perlu diwujudkan jika pegawai berada dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

PENGISIAN JAWATAN HAKIKI

15. Jawatan asal pegawai yang dilantik secara pinjaman atau pertukaran sementara tidak boleh diisi secara hakiki oleh pegawai lain. Namun, untuk memastikan pelaksanaan tugas jawatan berkenaan tidak terjejas, pengisian boleh dibuat sama ada secara pemangkuan, penanggungungan kerja, pinjaman / pertukaran sementara ataupun pelantikan kontrak atau sementara, mengikut mana yang sesuai. Pengisian secara pemangkuan hendaklah dibuat bukan dengan tujuan kenaikan pangkat.


KUATKUASA DAN PEMBATALAN

16. Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1988 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1989 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

17. Oleh kerana dasar, peraturan, kaedah dan prosedur yang dihuraikan di atas merupakan satu keputusan Kerajaan, maka semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri dikehendaki menerima pakai dan melaksanakan sepenuhnya peruntukan pekeling ini.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: **10** JUN 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan